

PEKELILING NAIB CANSOLOR

Bilangan 06 Tahun 2019

PENSTRUKTURAN BAHAGIAN DI BAWAH SELIAAN PEJABAT NAIB CANSOLOR, PEJABAT TIMBALAN-TIMBALAN NAIB CANSOLOR DAN INSTITUT KUALITI DAN PENGEMBANGAN ILMU (InQKA) UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai penstrukturan bahagian/jabatan/unit di bawah seliaan Pejabat Naib Canselor, Pejabat Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Akademik (HEA) Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar (HEP), Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi (P&I), Timbalan Naib Canselor Jaringan Industri, Komuniti, Alumni dan Keusahawanan (ICAEN), Timbalan Naib Canselor Pembangunan Dan Institut Kualiti Dan Pengembangan Ilmu (InQKA) Universiti Teknologi MARA (UiTM).

LATAR BELAKANG

1. Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (MEU) Bil. 15/2019 pada 3 Julai 2019 telah meluluskan perubahan struktur melibatkan pertukaran beberapa bahagian/jabatan/unit dan juga pengwujudan beberapa bahagian/jabatan/unit baharu bagi memberi fokus dan kesediaan untuk bergerak ke hadapan untuk menjadikan UiTM lebih hebat.
2. Bahagian Canseleri dan Komunikasi Korporat diasingkan. Bahagian Canseleri dikenali sebagai Pejabat Am Naib Canselor.
3. Jabatan Komunikasi diwujudkan dan diletakkan terus di bawah seliaan Naib Canselor. Jabatan Komunikasi terdiri daripada:
 - i. Bahagian Komunikasi Korporat
 - ii. Bahagian Web Media (dipindahkan dari InQKA)
 - iii. Hab Media Kreatif dan Teknologi (dipindahkan dari Pejabat Timbalan Naib Canselor (P&I))

4. Akademi PKS dan Pembangunan Keusahawanan Malaysia (MASMED) diletakkan terus di bawah seliaan Naib Canselor.
5. Pusat Perancangan dan Maklumat Strategik (CSPI) akan dikenali sebagai Bahagian Transformasi Universiti dan diletakkan di bawah seliaan Naib Canselor.
6. Pejabat Timbalan Naib Canselor Jaringan Industri, Komuniti, Alumni dan Keusahawanan (ICAEN) dikenali sebagai Timbalan Naib Canselor Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN).
7. Bahagian akademik dan perkhidmatan (Bahagian Hal Ehwal Islam dan Bahagian Zakat, Sedekah dan Wakaf) dalam Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) diasingkan. ACIS kekal berada di bawah seliaan Timbalan Naib Canselor HEA.
8. Bahagian Hal Ehwal Islam dan Bahagian Zakat, Sedekah dan Wakaf dijadikan dua bahagian berasingan dan diletakkan terus di bawah seliaan Naib Canselor.
9. Unit Kenderaan daripada Pejabat Timbalan Naib Canselor (HEP) dipindahkan ke Pejabat Timbalan Naib Canselor Pembangunan dan diletakkan di bawah Jabatan Infrastruktur.
10. Unit Ruang Niaga daripada Pejabat Timbalan Naib Canselor (HEP) dipindahkan ke Pejabat Timbalan Naib Canselor Pembangunan dan diletakkan di bawah Jabatan Pengurusan dan Pelaburan Hartanah.
11. Unit Pengurusan Risiko dipindahkan daripada Pejabat Timbalan Naib Canselor Pembangunan dan diletakkan di bawah Naib Canselor.
12. Bahagian Pengurusan Risiko bawah kawalselia Pejabat Timbalan Naib Canselor Pembangunan diberikan nama baharu iaitu Bahagian Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang berfungsi mengurus aspek-aspek OSH, bencana dan perlindungan.

PELAKSANAAN


13. Jawatankuasa bertindak yang dipengerusikan oleh Penolong Naib Canselor (Strategi) akan ditubuhkan untuk menyelaraskan penstrukturan bahagian/jabatan/unit yang terlibat.
14. Keahlian jawatankuasa adalah terdiri daripada Ketua Pentadbiran semua bahagian/jabatan/unit yang terlibat.
15. Bahagian/jabatan/unit yang terlibat dengan penstrukturan hendaklah membuat tindakan penyelarasan nama dan struktur tadbir urus di peringkat PTJ masing-masing.
16. Struktur tadbir urus sedia ada masih beroperasi untuk memastikan kelangsungan bahagian/jabatan/unit sehingga struktur tadbir urus baharu mendapat kelulusan.
17. Carta Organisasi UiTM yang telah disahkan di Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (MEU) Bil. 17/2019 pada 24 Julai 2019 seperti di Lampiran.

TARIKH DIKELUARKAN

18. Pekeliling ini dikeluarkan pada **25 Julai 2019**.

TARIKH KUATKUASA

19. Pekeliling ini berkuat kuasa pada **01 Ogos 2019**.



PROFESOR EMERITUS IR. DR. MOHD AZRAAI KASSIM

Naib Canselor

Dikelilingkan Kepada :

*Semua Timbalan Naib Canselor
Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
Semua Dekan-Dekan Fakulti
Semua Rektor-Rektor Kampus Negeri*

*Bil. Fail : 100-UiTM (NC 6/2)
No Siri : 100-UiTM (NC 6/2)*